

**HARUN** menyampaikan sumbangan kepada salah satu Sekolah Angkat MAPIM kepada wakilnya dari Sekolah Bundutuhan, Ranau.



# Revolusi strategi perniagaan maya jadi pilihan, kata Harun

NST 05-07-2012 11

OLEH OLI CHONG

**KOTA KINABALU:** Revolusi serta perkembangan dalam strategi pemasaran dunia perniagaan maya kini menjadi pilihan masyarakat, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah.

Berucap merasmikan majlis yang diadakan oleh Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) beliau berkata cabaran pemasaran pada masa kini amat ketara dari aspek ledakan teknologi maklumat yang umpama hanya di hujung jari.

"Pelbagai portal jualan buku secara maya seperti Facebook dan Twitter telah merubah trend masyarakat dan pengguna untuk membeli," kata Harun.

Harun menyeru ahli-ahli MAPIM untuk menaruh hala tuju pemasarannya dari selari ke dinamik.

"Saya sentiasa menyokong dan memberi keyakinan penuh kepada usaha-usaha untuk melonjakkan penerbitan ilmiah ke satu tahap yang boleh dibanggakan.

"Namun demikian, medium pemasaran sedia ada juga tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Sebaliknya, MAPIM perlu memberi nafas baru seiring dengan perkembangan se-



**SEORANG** wakil daripada sekolah kebangsaan Sg. Damit, Tuaran.

masa.

"Saya juga difahamkan MAPIM pernah cuba meninjau pasaran di beberapa negara sekitar Asia Tenggara seperti Brunei dan Singapura dengan menyertai pesta-pesta buku antarabangsa.

"Aktiviti pemasaran perlu dipelbagaikan dan diinovasikan supaya keterlihatan antarabangsanya dapat diserlahkan serta dapat bersaing dengan penerbit buku-buku ilmiah yang

lain," ujar beliau lagi.

Harun juga memaklumkan hasrat MAPIM iaitu untuk menjadikan tiga buah sekolah di negeri Sabah ini sebagai Sekolah Angkat MAPIM juga telah terlaksana yang bertujuan memainkan peranan dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

"Sekolah-sekolah yang terpilih ini akan menerima manfaat menerusi pemberian sumbangan buku daripada Ahli MAPIM," ujarnya lagi.